

19 DEC 2000

Mahathir-Polis

POLIS HARUS JALANKAN TUGAS SECARA PROFESIONAL, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata polis harus menjalankan tugas mereka secara profesional dan tidak memihak kepada sesiapa dalam menjalankan tanggungjawab untuk memelihara keamanan.

"Polis perlulah profesional dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dan tidak mengambil bahagian dalam pertikaian politik atau pun kaum," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata sikap neutral polis akan meningkatkan kepercayaan rakyat kepada institusi polis dan secara langsung polis akan mendapat sanjungan rakyat.

"Setakat ini polis telah menunjukkan tahap profesionalisme yang tinggi dan ini sepatutnya dikekalkan supaya polis dapat menjalankan tugas mereka dengan sempurna," katanya ketika berucap pada majlis dialog dengan kira-kira 500 pegawai atasan Polis Diraja Malaysia di Bukit Aman.

Beliau juga mengingatkan polis supaya tidak bertindak secara terlalu bebas untuk menangani sesuatu masalah kerana pada zaman sekarang rakyat sudah mula menegur tindakan-tindakan yang melulu.

"Rakyat akan menegur jika polis mengambil tindakan secara melulu dan teguran-teguran ini tidak dapat diketepikan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) ditubuhkan untuk memastikan hak rakyat tidak ditindas oleh mana-mana pihak termasuk polis.

"Jentera ini (SUHAKAM) perlu kerana tuduhan-tuduhan dari dalam dan luar negara bahawa kita menindas rakyat... penubuhan Suhakam juga adalah untuk mendedahkan kakitangan kerajaan yang tidak mengikut undang-undang negara dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun Suhakam diberi skop yang luas, ini tidak bermakna kakitangan kerajaan seperti polis adalah di bawah penyeliaan suruhanjaya itu.

"Adakalanya tindakan Suhakam tidak disukai oleh polis tetapi ini (Suhakam) perlu kerana rakyat sedar akan hak mereka. Kadang-kadang keganasan berlaku dan polis terpaksa bertindak dengan menggunakan sedikit kekerasan," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun pelbagai tuduhan dibuat terhadap polis, tidaklah bermakna anggota polis perlu kkuatir untuk mengambil tindakan dalam mengekalkan keamanan negara.

Polis tidak perlu kkuatir dengan Suhakam kerana kerajaan tidak akan terpengaruh dengan semua yang dikatakan oleh suruhanjaya itu dan menghukum polis, katanya.

Dr Mahathir berkata, pasukan polis secara keseluruhannya menjalankan tugas menegakkan keadilan dan mengekalkan keamanan negara dengan baik walaupun ada seorang atau dua anggota polis yang bertindak di luar batasan undang-undang.

Beliau juga menegur sikap media asing yang sengaja membesar-besarkan apa yang mereka dakwa sebagai keganasan polis di negara ini.

"Mereka (media asing) mengikut gerak geri anggota polis kita di demonstrasi dan bila kita gunakan sedikit kekerasan, kejadian itu direkod dan dipaparkan ke seluruh dunia," kata Dr Mahathir.

Dalam keadaan itu anggota polis mungkin takut untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang suka menimbulkan kekacauan dan berdemonstrasi kerana bilangan mereka ramai.

"Bila ini diketahui oleh mereka yang suka berdemonstrasi, mereka akan bertindak dengan lebih berani dan membuat kacau bilau sesuka hati," kata Dr Mahathir.

Beliau juga meminta pihak polis supaya taat kepada kerajaan semasa dan tidak mengikut fahaman politik mereka tersendiri.

"Jika polis tidak setia kepada kerajaan semasa, keamanan sukar dicapai kerana ini secara langsung akan membawa perpecahan dalam negara."

"Kalau Kerajaan Pusat, bukan negeri, menyuruh polis membuat sesuatu apa yang diminta itu perlu dilaksanakan asalkan ianya tidak melanggar undang-undang negara," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

SR MNY PR